

Kelantan disaran rampas tanah milik pengusaha ladang di Lojing gagal patuhi syarat

KOTA BHARU 23 Nov. - Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3 mengesyorkan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kelantan merampas tanah yang diberi milik kepada pengusaha ladang di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang yang mengingkari syarat yang ditetapkan.

Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) pula perlu mengambil tindakan tegas termasuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pengusaha pertanian yang ingkar, menurut Laporan Audit itu.

Ini kerana pengauditan yang dijalankan antara Jun dan September lepas mendapati pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti pembangunan tanah tinggi dan kesannya kepada alam sekitar di Tanah Tinggi Lojing adalah kurang memuaskan, menu-

rut Laporan Audit tersebut yang dibentangkan hari ini.

Sehubungan itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan perlu mengenal pasti semua anak sungai di kawasan Lojing dengan mewartakannya dan mengambil tindakan ke atas pengusaha yang melakukan pencerobohan rizab sungai atau mencemari sungai manakala Jabatan Pertanian Kelantan perlu mengawal penggunaan racun perosak pada tanaman makanan.

Jabatan Perhutanan Kelantan pula perlu memastikan kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) tidak diceroboh dan mengambil tindakan undang-undang terhadap penceroboh yang dikenal pasti selain menggunakan sepenuhnya kemudahan remote sensing bagi memastikan kawasan yang diu-

sahakan tidak melebihi kelulusan yang dibenarkan, menurut laporan itu.

Laporan Audit itu juga mendapati pengurusan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) yang menjalankan empat perniagaan teras iaitu pertanian, penternakan, akuakultur dan bioteknologi, adalah kurang memuaskan terutama dari segi prestasi kewangan yang mengalami kerugian.

Menurut laporan itu, aktiviti penternakan mengalami kerugian berterusan, prestasi pendapatan daripada projek kerajaan negeri menurun, kelemahan pengurusan sewaan bangunan dan pajakan tanah, kerugian pelaburan dalam syarikat usaha sama dan syarikat subsidiari dan syarat perjanjian pajakan tanah tidak dipatuhi.

- BERNAMA